

## **HEALTH INFORMATION MANAGEMENT SERVICES**

(*VERSI BAHASA MELAYU*)

### **PERMOHONAN UNTUK LAPORAN PERUBATAN**

#### **BORANG TUNTUTAN INSURANS**

**Q :Di manakah saya boleh mendapatkan borang ini?**

*A :Borang boleh diperolehi daripada syarikat, ejen insurans.*

**Q : Bilakah saya perlu menghantar borang tersebut?**

*A : Borang boleh dihantar sebaik sahaja anda dibenarkan keluar dari wad atau selepas temujanji di klinik anda.*

**Q : Kemanakah saya perlu menghantar borang tersebut?**

*A :Borang boleh dihantar ke Unit Pengurusan Rekod Perubatan di aras bawah KPJ Kajang*

**Q : Di manakah saya boleh mengambil laporan tersebut?**

*A :Laporan perubatan boleh diambil di Unit Pengurusan Rekod Perubatan semasa waktu pejabat selepas pembayaran dibuat di kaunter pembayaran bersebelahan Unit Pengurusan Rekod.*

**Q : Bolehkah saya meminta tuntutan untuk arwah keluarga saya?**

*A : Hanya keluarga terdekat sahaja boleh mengemukakan tuntutan, dan persetujuan daripada keluarga terdekat adalah perlu jika mereka menghantar wakil.*

## **PERNYATAAN PAKAR PERUBATAN YANG MERAWAT SOAL SELIDIK**

**Q : Apakah Pernyataan soal selidik ?**

*A : Pernyataan soal selidik adalah borang yang digunakan oleh syarikat insurans untuk mendapatkan maklumat perubatan tentang pesakit yang merancang untuk membeli atau membaharui polisi insurans.*

**Q : Adakah saya perlu memberikan keizinan untuk laporan tersebut diserahkan kepada syarikat insurans?**

*A :YA, anda perlu mengisi borang Kebenaran Untuk Memberi Maklumat Perubatan(Laporan Perubatan). Borang ini boleh diperolehi dari Unit Pengurusan Rekod Perubatan atau dari Klinik Pakar.*

**Q : Bolehkah ejen insurans memohon dan mengambil laporan tersebut bagi pihak saya?**

*A :YA , anda perlu memberikan kebenaran kepada ejen dalam borang kebenaran untuk memberi maklumat perubatan(laporan perubatan) untuk mengambil lapioran bagi phak anda.*

**Q : Bolehkah saya meminta tuntutan untuk arwah keluarga saya?**

*A : Hanya keluarga terdekat sahaja boleh mengemukakan tuntutan, dan persetujuan daripada keluarga terdekat adalah perlu jika mereka menghantar wakil.*

## **LAPORAN KWSP**

**Q : Bagaimana saya boleh memohon laporan ini?**

*A :Anda perlu mendapatkan borang daripada pejabat KWSP atau muat turun dari laman web KWSP dan menghantar borang tersebut kepada pihak Pengurusan Rekod Perubatan bersama-sama permohonan anda.*

**Q : Bolehkah ahli keluarga yang lain (isteri,anak dan adik beradik) memohon laporan KWSP bagi pihak saya.**

*A : Boleh, tetapi anda perlu memberikan kebenaran untuk mereka membuat permohonan tersebut dalam Borang kebenaran Untuk Memberi Maklumat Perubatan(Laporan Perubatan).*

## **LAPORAN PERKESO**

Anda dinasihatkan untuk berhubung dengan pejabat PERKESO berkaitan dengan jenis pengeluaran dan mengisi borong yang betul dan diperlukan untuk permohonan ini

### **LAPORAN PERUBATAN : SOALAN LAZIM**

**Q : Kemanakah saya perlu menghantar borang ini?**

*A : Borang boleh dihantar ke Unit Pengurusan Rekod Perubatan di aras bawah KPJ Kajang*

**Q : Di manakah saya boleh mengambil laporan tersebut?**

*A : Laporan perubatan boleh diambil di Unit Pengurusan Rekod Perubatan semasa waktu pejabat selepas pembayaran dibuat di kaunter pembayaran bersebelahan Unit Pengurusan Rekod.*

**Q : Adakah terdapat bayaran untuk laporan ini?**

*A : Fi yang munasabah biasanya dikenakan untuk Laporan Perubatan. Amaun Fi yang dikenakan untuk Laporan perubatan mungkin berbeza mengikut jenis, butiran dan panjang laporan.*

**Q : Adakah terdapat bayaran deposit untuk Laporan Perubatan ini?**

*A : Ya, deposit dikenakan untuk Laporan perubatan ini , namun amat lah diharapkan agar laporan perubatan yang telah siap perlu dituntut secepat mungkin.*

**Q : Bolehkah saya memohon salinan hasil penyiasatan?**

*A : Ya,Anda boleh memohon salinan hasil penyiasatan dari klinik pakar anda .*

**Q : Bagaimanakah saya akan diberitahu apabila laporan itu telah sedia untuk diambil?**

*A : Anda akan dihubungi melalui telefon,sms atau email. Sila berikan nombor telefon anda dan alamat email anda yang aktif kepada staf kami*

**Q : Bagaimanakah untuk menghubungi Unit Pengurusan Rekod Perubatan?**

*A : Anda boleh menghubungi kami melalui talian +60387692999 sambungan 8012/8016/2963 atau emel ke [hims.kjsh@kpjkajang.com](mailto:hims.kjsh@kpjkajang.com)*

**Q : Bolehkah saya meminta orang lain untuk mengambil laporan tersebut bagi pihak saya?**

A : Boleh, sila nyatakan dalam borang kebenaran untuk memberi maklumat perubatan(laporan perubatan atau berikan surat kebenaran kepada orang tersebut.

**Q : Bolehkah Hospital Pakar KPJ Kajang mengesposkan laporan saya kepada syarikat insurans saya/PERKESO/KWSP?**

A : Boleh, sila nyatakan dalam borang kebenaran untuk memberi maklumat perubatan(laporan perubatan )bahawa bersetuju untuk laporan tersebut untuk diposkan pada alamat yang lengkap diberikan. Juga bersetuju dengan caj pengesposan yang dikenakan.

**Q : Bagaimanakah saya boleh membatalkan laporan perubatan yang dimohon?**

A : Anda boleh menghubungi kami melalui telefon untuk membatalkan permohonan tersebut.

**Q : Berapa lama masa yang diperlukan untuk menyediakan laporan yang diminta?**

A : Laporan akan diproses apabila semua dokumen yang diperlukan telah lengkap dan akan mengambil masa selama 14-28 hari bekerja.

**\*\*\*\*Sila ambil perhatian perkara berikut :\*\*\*\***

**Anda mungkin tidak dapat membatalkan permohonan jika laporan perubatan tersebut telah siap dan perlu meneruskan permohonan tersebut.**